


Headline	Niat baik, dibalas baik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 May 2018	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	3
ArticleSize	799 cm <sup>2</sup>	Journalist	Gokina Morganan
PR Value	RM 40,887		



# Niat baik, dibalas baik



Sholehah, antara 15 penerima Projek Baiti Jannati TNB 2018.

**TNB tampil bantu bina rumah baharu kepada mangsa kebakaran**

GOKINA MORGANAN

## ALOR SETAR

**S**ecorang wanita bersama ibunya sanggup membantu dua anak jiraninya terperangkap dalam satu kejadian kebakaran di Hujung Kampung Jalan Sekolah Alor Merah, di sini, tanpa mempedulikan rumahnya sendiri musnah dalam kebakaran.

Kini tindakan murni anak beranak itu terbalas apabila Tenaga Nasional Berhad (TNB) tampil membina rumah baharu sebagai tanggungjawab sosial syarikat dengan pelaksanaan Projek Baiti Jannati Peringkat Kedah.

Mengimbas kembali kejadian itu, Sholehah Mohd Arop, 54, berkata, dia dan ibunya terpaksa tinggal sebelah sepinggan selepas kejadian yang berlaku pada Disember lalu.

Katanya, pada waktu kejadian, kira-kira jam 7.15 petang, dia dan emaknya sedang bersiap untuk so lat maghrib namun tiba-tiba ter-

## Fakta mengenai Projek Baiti Jannati (PBJ) TNB

- TNB memperuntukkan **RM5.7 juta** bagi PBJ di seluruh negara pada tahun ini.
- PBJ Peringkat Negeri Kedah, **RM2.8 juta** diperuntukkan sejak tahun 2008.
- Pemilih penerima terdiri daripada golongan yang layak menerima zakat (asnaf) oleh Majlis Agama Islam di negeri masing-masing.

dengar bunyi bising dari luar rumah.

"Macik tengok menerusi tingkap, nampak rumah jiran terbakar dan api marak terlalu cepat dan hampir merebak ke rumah saya yang terletak bersebelahan. Dua anak jiran pula, terperangkap dalam rumah.

"Saya dan ibu lari keluar rumah dan cuba dapatkan bantuan untuk menyelamatkan dua anak jiran terperangkap. Alhamdulillah mereka berjaya diselamatkan penduduk lain," katanya, ketika ditemui, pada Majlis Penyerahan Kunci Rumah Perdana Projek Baiti Jannati TNB 2018, peringkat Kedah yang dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.

Penerima terdiri daripada golongan yang memerlukan antara orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar dengan perbelanjaan RM750,000.

Bagi peringkat Kedah, setakat 2017 sebanyak 47 rumah berjaya dibina sejak 2008 melibatkan kos RM2,076,000.

Memilih penerima berdasarkan kriteria yang ditetapkan Pejabat Pengurus Besar Negeri (Kedah) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Kedah.

yang tampil membina sebuah rumah baharu yang dilengkapi dengan perkakasan rumah.

"Saya sangat terharu dapat duduk di rumah lebih selesa bersama ibu saya, sebelum Ramadan ini," katanya.

Selain Sholehah, seramai 14 penerima dibantu TNB untuk membaiki rumah kediaman membanditkan kos RM50,000 dengan keluasan (20x32) kaki persegi, setiap penerima.

Penerima terdiri daripada golongan yang memerlukan antara orang kurang upaya (OKU), ibu tunggal, warga emas dan penduduk miskin yang tinggal di luar bandar dengan perbelanjaan RM750,000.

Bagi peringkat Kedah, setakat 2017 sebanyak 47 rumah berjaya dibina sejak 2008 melibatkan kos RM2,076,000.

Memilih penerima berdasarkan kriteria yang ditetapkan Pejabat Pengurus Besar Negeri (Kedah) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Kedah.



Keadaan rumah Solehah musnah sepenuhnya selepas kebakaran Disember tahun lalu.



Rumah baharu yang didirikan lebih selesa dan dilengkapi dengan perkakasan rumah.



Pasangan suami isteri OKU antara penerima Projek Baiti Jannati TNB 2018.

## REAKSI

**I**Saya mengucapkan terima kasih pihak TNB kerana menyempurnakan janji dengan memberi sumbangan CSR kepada 15 penerima dari seluruh Kedah. Inilah konsep yang kita buat dalam pentadbiran kerajaan bukan hanya keuntungan, malah program CSR adalah penting. - Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah.



**I** Projek Baiti Jannati TNB sebuah dengan sasaran kerajaan supaya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membantu kerajaan membaiki kediaman golongan yang memerlukan supaya menjalani kehidupan lebih selesa". - Pengurus Besar (Perkhidmatan Pelanggan) Kedah Bahagian Pembahagian TNB, Ismail Lathifi Teh@Saman.



**I** Pakcik hidap sakit polio sejak kecil lagi, makcik juga OKU penglihatan. Pendapatan bulanan hasil jual kuil hanya cecah antara RM500 hingga RM600. Namun hari ini kami gembira, menerima rumah baharu. - Penerima bantuan, Mohamad Hisham Omar, Kampung Hutan Gelam, Langgar



**I** Saya bersyukur terpilih sebagai penerima rumah bawah Projek Baiti Jannati dan terima kasih TNB kerana beri kehidupan yang lebih selesa kepada keluarga saya. - Penerima bantuan, Sukiman Ismail dari Pekan Lama, Baling.